KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KPKT IKTIRAF 88 PBT DAN 8 PERBANDARAN SWASTA DI BAWAH PENARAFAN BANDAR PINTAR MALAYSIA

PUTRAJAYA, 28 Oktober 2026 – Sebanyak **88 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara telah memperoleh pengiktirafan di bawah Penarafan Bandar Pintar Malaysia** sejak diperkenalkan pada tahun 2023, manakala lapan **(8) kawasan perbandaran swasta turut berjaya mencapai penarafan Smart Township** bagi tahun 2026.

Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam memperkukuh pembangunan bandar pintar yang memanfaatkan teknologi dan inovasi bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, kemampanan bandar serta kesejahteraan rakyat.

Perkembangan tersebut disahkan dalam **Mesyuarat Majlis Bandar Pintar Negara (MBPN) Tahun 2026** yang dipengerusikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming pada 27 Oktober 2026. Mesyuarat turut meluluskan empat (4) kertas pertimbangan dan mengambil maklum satu (1) kertas makluman.

Bagi tahun 2026, sebanyak 28 PBT diperakukan untuk menerima pengiktirafan baharu berdasarkan piawaian Malaysia Standard (MS) ISO 37122:2019, iaitu *Sustainable cities and communities - Indicators for smart cities*.

Daripada jumlah tersebut, satu (1) PBT mencapai Tahap 3: *Leading Smart City*, sembilan (9) PBT mencapai Tahap 2: *Developing Smart City*, manakala 18 PBT mencapai Tahap 1: *Smart City Early Adopter*.

Pengiktirafan ini mencerminkan tahap kemajuan PBT dalam menerapkan pendekatan bandar pintar berdasarkan indikator yang ditetapkan, sekali gus menggalakkan penambahbaikan berterusan dalam pengurusan dan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

Penyampaian anugerah kepada PBT yang berjaya akan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 4 November 2026 sempena Sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia Tahun 2026 di Auditorium Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

PENGIKTIRAFAN TURUT DIPERLUAS KEPADA SEKTOR SWASTA

Bermula tahun 2025, KPKT turut memperluas pendekatan penarafan bandar pintar kepada sektor swasta menerusi penarafan Smart Township bagi menggalakkan pembangunan kawasan perbandaran yang lebih pintar, mampan dan berdaya huni.

Bagi tahun 2026, sebanyak 12 permohonan diterima daripada pemaju swasta dengan lapan (8) kawasan perbandaran berjaya memenuhi kriteria penarafan yang ditetapkan. Daripada jumlah tersebut, satu (1) kawasan perbandaran memperoleh penarafan Platinum, empat (4) Gold dan tiga (3) Silver.

Penglibatan sektor swasta ini penting bagi melengkapi usaha kerajaan dalam menerapkan prinsip bandar pintar secara lebih menyeluruh, merangkumi pembangunan kawasan perbandaran serta pengurusan kemudahan dan perkhidmatan yang menyokong kehidupan seharian penduduk.

Agenda Bandar Pintar Malaysia kini turut diangkat sebagai Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) Nasional, selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) dan Malaysia MADANI. Pendekatan ini memberi penekanan kepada pembangunan bandar yang selamat, mampan, inklusif dan terangkum, dengan sasaran 115 PBT mencapai sekurang-kurangnya Tahap 1 menjelang tahun 2030.

MENUJU MALAYSIA SEBAGAI NEGARA PINTAR 2040

YB Tuan Nga Kor Ming berkata, penarafan bandar pintar merupakan instrumen penting untuk menggalakkan PBT meningkatkan keupayaan, memperkukuh tadbir urus dan menerapkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

“Bandar pintar bukan sekadar tentang penggunaan teknologi, tetapi bagaimana teknologi dapat dimanfaatkan untuk memudahkan urusan rakyat, meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan mewujudkan persekitaran bandar yang lebih selamat, mampan serta selesa untuk didiami.

“KPKT akan terus memperkukuh agenda bandar pintar melalui kerjasama erat antara kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, PBT dan sektor swasta bagi memastikan pembangunan bandar memberi manfaat kepada rakyat, selaras dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi **Negara Pintar menjelang tahun 2040**,” katanya.

KPKT kekal komited memperkasa agenda bandar pintar negara melalui pendekatan yang bersepadu dan berorientasikan rakyat bagi membina bandar yang lebih berdaya tahan, inklusif dan mampan untuk generasi kini dan akan datang.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 I Faks : 03-8891 5557 I E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my